

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

15. Keadaan ekonomi yang semakin meningkat menyebabkan rakyat yang berpendapatan rendah menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah dan syarat bank yang sangat ketat.
  - (a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak memperluaskan skim sewa-beli rumah yang dilancarkan pada 2016 kepada projek-projek yang lain seperti di Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri sememangnya sedar skim sewa-beli merupakan salah satu alternatif yang terbaik untuk membantu pembeli yang menghadapi masalah untuk mematuhi syarat permohonan pinjaman yang ditetapkan oleh bank-bank komersil. Atas alasan ini Kerajaan Negeri dalam pelbagai platform perbincangan bersama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengesyorkan supaya unit-unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tok Suboh sebanyak 231 unit yang baru siap pada 21 Disember 2017 ditawarkan secara sewa-beli.

Selain itu, Kerajaan Negeri pada masa ini sedang memperhalusi cadangan untuk memperluaskan pelaksanaan skim sewa-beli ke atas unit-unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang akan diserahkan oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri bagi mematuhi syarat sumbangan *in-kind*. Di antara faktor yang sedang dipertimbangkan termasuklah tempoh dan kadar sewaan yang bersesuaian dengan kos dan nilai unit, keupayaan penyelenggaraan serta risiko tunggakan. Dari satu

segi, skim sewa beli ini boleh merugikan penyewa sekiranya jadual bayaran sewa gagal dipatuhi sehingga mengakibatkan unit tersebut dirampas.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri turut mengalu-alukan para pemaju swasta yang berminat dan berkemampuan untuk menyediakan fasiliti skim sewa-beli di projek-projek perumahan mampu milik yang sedang dan akan mereka laksanakan.